

# Soyuz berlabuh di ISS

Laporan  
A Halim Yusof

Di Kazakhstan

Gambar  
Rosli Rahmat



**M**OSCOW: 'Salam sayang kepada seluruh rakyat Malaysia', itulah ungkapan angkasawan negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, sebaik dihubungi Pusat Kawalan Misi (MCC) selepas kapal angkasa Soyuz TMA-11 berlabuh di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), lewat malam tadi.


Berikutan percantuman Soyuz dengan ISS jam 10.50 malam waktu Malaysia, Dr Sheikh Muszaphar mencipta satu lagi sejarah untuk diri dan negara menjadi rakyat Malaysia pertama bertapak di stesen angkasa.

Pada sidang media selama 10 minit antara MCC di sini, dengan ISS yang sedang berlegar di ruang angkasa Russia, angkasawan pertama negara yang



ANGKASAWAN negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor (kiri), Peggy Whitson (kanan) dan Yuri Malenchenko bersama krew ISS sebaik memasuki stesen angkasa antarabangsa itu, pagi tadi.

B-H 13/10/07 MIS 1



kelihatan segar dan bersemangat, juga mengucapkan salam kepada keluarga, terutama ibu, Datin Zuraida Sheikh Ahmad dan ayahnya, Datuk Sheikh Mustapha Sheikh Shukor serta abangnya, Sheikh Ahmad yang turut berada di MCC.

Turut hadir pada majlis bersejarah itu, iaitu kali pertama warga Malaysia mengucapkan salam dan doa kepada seluruh rakyat daripada angkasa lepas ialah Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Jamaludin Jarjis; Pengarah Program Angkasawan Negara, Kol Dr Zulkeffeli Mat Jusoh, penyelidik, saintis dan wartawan Malaysia.

LIHAT MUKA 2



Sempena Aidilfitri, Bintang Popular diterbitkan bersama **BERITA HARIAN** hari ini

SOYUZ (dalam bulatan) bercantum dengan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS).